

Fasiliti KKM sudah sedia bekalan mencukupi

Kuala Lumpur: Tiada masalah untuk mendapatkan bekalan vaksin influenza dan ubat antiviral Oseltamivir di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) walaupun permintaan vaksin meningkat empat kali ganda untuk Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi fasiliti KKM, Oseltamivir dibekalkan di bawah syarikat konsesi yang diarahkan untuk

menyimpan stok mencukupi.

“Tiada masalah bekalan di fasiliti KKM walaupun permintaan meningkat sejak Disember lalu.

“Memandangkan terdapat permintaan yang mendadak di fasiliti kesihatan swasta, lima pembekal sedia ada yang berdaftar tidak dapat menampung permintaan berkenaan,” katanya.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, KKM memberikan kelulusan khas kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk

mendapatkan bekalan daripada pembekal alternatif.

“Setakat ini, KKM meluluskan hampir 1.1 juta kapsul bagi tempoh Disember lalu hingga Januari untuk memenuhi permintaan fasiliti kesihatan swasta,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, vaksin influenza diberikan sebagai langkah pencegahan untuk memberi perlindungan kepada individu yang dijangkiti virus influenza.

“Vaksin influenza hanya

ditawarkan di fasiliti KKM sebagai sebahagian daripada regimen rawatan golongan pesakit yang berisiko tinggi mendapat komplikasi jangkitan termasuk kematian dan pemberiannya adalah berdasarkan kepada penilaian klinikal daripada pakar yang merawat pesakit terbabit,” katanya.

